



Koronavirus: Cabaran Kesihatan Dunia

PADA 22 Januari 2020, media Taiwan mula membincangkan masalah ancaman penyakit koronavirus, yang juga dikenali sebagai Covid-19.

Rancangan perbualan di studio San Li, Taipei memberikan fokus penyakit serangan sistem pernafasan yang berasal dari Wuhan itu sebagai topik utama. Oleh sebab faktor geopolitik dan iklim kebebasan media membuat liputan, tetamu boleh menyampaikan pandangan warga siber negara China sebagai modal perbualan.

Menurut tetamu, terdapat warga siber China yang menyatakan bahawa Covid-19 bersifat patriotik kerana hanya menjangkiti rakyat di luar negara China. Ketika perbincangan tersebut berlangsung, tiga kes direkodkan di Bangkok, serta dua kes lain dilaporkan di Macau, Taiwan, Perancis serta Amerika Syarikat. Sebenarnya, pandangan warga siber China tersebut merupakan sindiran bahawa negara China sendiri agak lembab dalam kejituan melaporkan kes jangkitan Covid-19. Masing-masing berpendapat bahawa ketelusan maklumat masih perlu ditingkatkan dalam membuat liputan berkaitan dengan virus yang menggemparkan dunia itu.

Menurut pengacara yang mengkaji komen media sosial, terdapat rakyat tempatan yang masih kurang jelas dengan kegawatan ancaman Covid-19. Ramai yang memberikan komen bahawa mereka tidak percaya virus ini telah membunuh banyak orang. Ada juga yang masih menganggap berita tersebut sebagai usaha sabotaj pihak yang tidak bertanggungjawab. Sehingga makalah ini ditulis, sebanyak 426 kematian dicatatkan di seluruh dunia.

Pakar yang mewakili media China pernah menyatakan penyakit ini boleh diubati dan dikawal. Ding, bekas Ketua Biro Kewartawanan selaku tetamu pertama bertanyakan tentang sebab Taiwan masih tidak dibenarkan menjadi ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Beliau juga mengingatkan penduduk Taiwan agar bertenang dan mengibaratkan China sebagai jiran yang sakit. Demi kesihatan masing-masing, penduduk Taiwan disarankan agar menggunakan penutup mulut serta mencuci tangan secara kerap.

Tetamu kedua, seorang peguam yang juga Ahli Parlimen Taipei, mendedahkan bahawa pada 19 Januari 2020, seramai 40 ribu orang penduduk Wuhan telah meraikan

sambutan tahun baharu melalui kegiatan makan makanan daripada sebuah periuk makanan panas (*hot pot*). Hal ini bererti sejumlah penduduk telah menjalani majlis keramaian yang bahaya tanpa menyedari bahawa terdapat kemungkinan koronavirus tersebar dalam kalangan hadirin. Beliau juga meragui keberkesanan tindakan negara China melarang sebarang lalu lintas ke dalam dan dari bandar raya Wuhan yang dihuni oleh 11 juta orang penduduk. Tetamu ini menasihati para penduduk tempatan agar menghubungi talian kecemasan sebelum bergegas ke hospital. Mereka dinasihati supaya mengikut arahan daripada penolong perubatan menerusi talian telefon demi mengelakkan penyebaran penyakit koronavirus. Berkemungkinan, sesetengah kes selesema yang dilaporkan tidak perlu dirawat di hospital.

Tetamu ketiga merupakan seorang pekerja media yang berpengalaman. Dengan menggunakan iPad, beliau menunjukkan perbezaan kadar penularan koronavirus dalam tempoh 24 jam. Keluasan permukaan merah yang pada mulanya sedikit kemudian meliputi serta menembusi serata tempat pada bahagian tengah peta China telah menakutkan pengacara. Beliau berkongsi maklumat mengenai sistem pemerintahan China yang hanya melahirkan pegawai yang suka melaporkan berita yang baik sahaja. Sememangnya, kelaziman mengkhabarkan berita baik dapat mengelakkan diri daripada kemarahan pegawai daripada kerajaan pusat. Tambahan pula, terdapat desas-desus yang menyatakan bahawa had kematian yang tidak melebihi 35 orang bagi setiap kemalangan merupakan piawaian pentadbiran yang selamat.

Sebagai pekerja media yang berpengalaman, beliau sempat berjenaka dengan menyatakan bahawa sesiapa yang enggan memberikan angpau, atau tidak berminat menziarahi sanak saudara,

boleh menghebahkan kepada orang ramai bahawa dirinya baru pulang dari bandar raya Wuhan. Lebih menarik perhatian lagi, tetamu rancangan ini memberitahu bahawa Taiwan telah menimba pengalaman pahit sindrom pernafasan akut teruk (SARS) dengan melaburkan puluhan bilion dolar sebagai kos pemantapan sistem perubatan pencegahan wabak bertaraf epidemik. Beliau turut menimbulkan persoalan, mengapakah belanjawan pertahanan negara China mencecah 1800 bilion RMB, sedangkan perbelanjaan kesihatan tidak sampai 18 bilion RMB atau satu peratus kos ketenteraan? Kelemahan ini telah menyebabkan kekurangan hospital komuniti dan bilangan pusat kuarantin yang terhad apabila wabak baharu, seperti koronavirus muncul dalam komuniti.

Negara yang cuba mengaut keuntungan melalui pelancongan pada tahun 2020 mungkin harus mengatur langkah yang lebih bijaksana. Ilmu *feng shui* sebagaimana yang ditilik melalui bacaan bintang di langit menerangkan bahawa tahun 2020 membawa pelbagai dugaan besar. Menurut Ding yang mahir menilik, terdapat ungkapan “padang besar bertukar menjadi tanah perkuburan”. Hal ini tidak bererti segala-galanya bersifat gelap. Masih ada harapan sekiranya manusia bersikap teguh menghadapi cabaran dan sanggup tundukkan diri untuk menerima baik cadangan daripada pihak lain. Jika dikaji perkara yang berlaku pada masa ini, pemerintah Hong Kong gagal membuat perubahan mengikut cadangan yang disarankan. Hal yang demikian menyebabkan rusuhan secara bertali arus daripada kumpulan yang mengambil kesempatan menimbulkan rasa tidak puas hati. Ekoran daripada itu, banyak perniagaan gulung tikar dan keadaan ekonomi kian merosot. Menurut pakar tilik *feng shui* yang lain dalam saluran YouTube dan

Facebook, imbasan tikus yang muncul sebenarnya ialah tikus logam (emas juga dianggap logam dalam *feng shui*) yang mungkin membawa kekayaan. Ternyata kekayaan yang dikhabarkan memerlukan kesabaran dan perancangan teliti.

Berdasarkan pengalaman SARS, kita mula memahami bahawa perbuatan mengesat tiang tangga, mengelap lif dan usaha menyaring udara dalam bangunan besar bukanlah kerja yang boleh dilakukan dengan hangat-hangat tahi ayam. Penjagaan kebersihan secara berterusan merupakan pedoman yang penting dalam usaha menangani ancaman kesihatan, lebih-lebih lagi apabila negara kita menjadi tumpuan para pelancong dari seluruh dunia. Kerja pemantauan kesihatan dan pembaikan suasana pelancongan perlu diteruskan, meskipun tidak ditingkatkan. Pusat sokongan industri pelancongan, seperti pusat kesihatan, hospital swasta, klinik awam dan farmasi harus berusaha menyebarkan maklumat yang bernas bagi meyakinkan segenap lapisan masyarakat. Talian kecemasan bagi menyampaikan arahan yang baik kepada pesakit di rumah juga boleh diwujudkan.

Sememangnya sebagai ahli kapitalis di dalam sebuah dunia global, setiap negara perlu memainkan peranan penting untuk mengekalkan taraf kesihatan yang tinggi ke arah sifar jangkitan dalam menghadapi sebarang ancaman wabak virus; baik koronavirus mahupun virus ragam yang lain. Kita tidak mahu menjadi punca sebaran virus pada peringkat global sehingga negara kita dikaitkan dengan berita tergepar atau angka yang menyesak nafas pada setiap kali saluran media massa dan media sosial menyampaikan berita. □